

## Peranan Wanita Patani dalam Bahasa dan Ekonomi di negeri Perlis selepas Pandemik Covid-19

### [The Role of Patani Women in Language and Economy at the state of Perlis after Pandemic Covid-19]

SITI NORIDAYU ABD. NASIR<sup>1\*</sup>

HAZLINA ABDUL HALIM<sup>1</sup>

#### Abstrak

Peranan wanita sebagai tonggak keluarga merupakan salah satu fenomena dewasa ini yang menjadi tatapan umum. Wanita memainkan peranan yang penting dalam bidang perniagaan untuk membangunkan ekonomi keluarga. Penularan Covid-19 yang bermula sejak akhir tahun 2019 hingga kini telah menyekat aktiviti berkaitan ekonomi dan menjejaskan pendapatan peniaga. Oleh yang demikian, wanita Melayu Patani yang menjalankan perniagaan di Padang Besar, Perlis turut terkesan dengan sekatan merentas sempadan negara dan menjalankan perniagaan secara bersemuka (offline). Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada peranan wanita Patani yang menjalankan perniagaan di sempadan Malaysia –Thailand (cross border business). Aktiviti perniagaan adalah sumber ekonomi yang dijalankan di lokasi komersial di negeri-negeri tertentu seperti Padang Besar (Perlis) yang bersebelahan pintu masuk negara Thailand di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti peranan wanita Melayu Patani dari segi penggunaan bahasa. Selain itu, kajian ini bertujuan menjelaskan peranan wanita Melayu Patani dari segi ekonomi. Kajian ini dijalankan secara pemerhatian di Waremart Padang Besar, Perlis dan menjalankan temu bual bersama wanita Melayu Patani yang menjalankan perniagaan di Waremart, Padang Besar, Perlis. Dapatan kajian menunjukkan wanita Melayu Patani menggunakan dialek Patani dengan meluas dalam urusan jual beli di sempadan. Malah, mereka juga menggunakan bahasa Thai untuk urusan mendapatkan barang modal dari negara Thailand. Pandemik Covid-19 telah menjejaskan perniagaan rentas sempadan tetapi wanita Melayu Patani kembali menjalankan perniagaan dan berusaha membangunkan kembali perniagaan mereka seperti sebelum pandemik berlaku. Kajian ini diharapkan dapat membuka dimensi baharu seterusnya membantu kajian yang berkaitan pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** peranan wanita, tapak komersial, bahasa, ekonomi

---

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM Malaysia.

**Corresponding Author:**

Siti Noridayu Abd.Nasir. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM Malaysia.  
Email: [noridayu87\\_nasir@yahoo.com](mailto:noridayu87_nasir@yahoo.com)

## Abstract

The role of women as the pillar of the family is one of the phenomena today that is in the public eye. Women play an important role in business to develop the family economy. The Covid-19 outbreak that started since the end of 2019 to date has restricted economic-related activities and affected the income of traders. Therefore, Patani Malay women who run businesses in Padang Besar, Perlis are also affected by restrictions across the country's borders and run businesses face to face (offline). Therefore, this study focuses on the role of Patani women who conduct business on the Malaysia -Thailand border (cross border business). Business activities are economic resources conducted in commercial locations in certain states such as Padang Besar (Perlis) which is adjacent to the entrance to Thailand in Peninsular Malaysia. Therefore, this study aims to examine the role of Patani Malay women in terms of language use. In addition, this study aims to explain the role of Patani Malay women in economic terms. This study was conducted by observation at Waremart Padang Besar, Perlis and conducted interviews with Patani Malay women who run business at Waremart, Padang Besar, Perlis. The findings of the study show that Patani Malay women use the Patani dialect widely in border transactions. In fact, they also use the Thai language to obtain capital goods from Thailand. The Covid-19 pandemic has affected cross-border business but Patani Malay women are back in business and trying to redevelop their business as before the pandemic. This study an expected to open a new dimension and further help related studies in the future.

**Keywords:** the role of women, commercial sites, language, economy.

### Cite This Article:

Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. 2022. Peranan Wanita Patani dalam Bahasa dan Ekonomi di negeri Perlis selepas Pandemik Covid-19. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 4(3): 1-18.

## PENGENALAN

Kedudukan Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand mewujudkan pertukaran budaya, cara hidup dan bahasa secara tidak langsung. Oleh itu, dari aspek geografi menunjukkan negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan merupakan negeri di Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand melalui rujukan peta Malaysia. Maka, hanya penduduk di empat buah negeri tersebut yang menggunakan kad pengenalan dengan kod nombor negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan sahaja yang dibenarkan menggunakan pas sempadan (border pass) untuk ke negara Thailand. Bagaimanapun, di negeri Perak hanya penduduk yang menetap di Hulu Perak yang dibenarkan menggunakan pas sempadan. Menurut (Habibah Ahmad et al., 2014) menjelaskan bahawa sempadan Malaysia-Thailand, yang merangkumi kawasan Padang Besar/ Perlis-Padang Besar/ Wilayah Songkhla sehinggalah ke Rantau Panjang/ Kelantan-Daerah Sungai Kolok/ Wilayah Narathiwat memiliki pelbagai tarikan dan produk pelancongan seperti bandar membeli-belah sempadan yang teratur dengan tarikan premis berskala kecil dan perkhidmatan pelancongan yang informal. Hal ini menunjukkan tidak semua penduduk di negeri Perak dibenarkan menggunakan pas sempadan seperti penduduk di negeri Perlis, Kedah dan Kelantan yang melibatkan penduduk di keseluruhan kawasan negeri tersebut. Maka, penduduk yang bermastautin di empat buah negeri di Malaysia (Perlis, Kedah, Perak dan

Kelantan) mempunyai keistimewaan memasuki negara Thailand yang tidak melebihi 25 kilometer daripada pintu sempadan Malaysia.

Selain itu, kemudahan yang disediakan pihak Imigresen Malaysia telah memudahkan urusan keluar dan masuk sempadan. Harga barangan dan pilihan yang pelbagai di negara Thailand telah menarik ramai penduduk Malaysia ke sana untuk mendapatkan barangan di sana. Oleh kerana, wujud permintaan yang tinggi maka penawaran daripada negara Thailand telah diperluas hingga ramai orang Patani Thailand masuk ke Malaysia untuk menjalankan perniagaan. Oleh yang demikian, faktor bersempadanan dan kemasukan penduduk Thailand ke Malaysia telah mewujudkan kelompok perniagaan yang besar. Antaranya, negeri Perlis di sempadan negara Thailand yang telah membentuk kawasan perniagaan di Padang Besar. Pembinaan Arked Niaga, Waremart dan telah menjadikan tapak tersebut sebagai kawasan perniagaan tersendiri dengan konsep jualan barangan daripada negara Thailand. Namun begitu, sepanjang pandemik covid-19 aktiviti perniagaan secara bersemuka terpaksa dihentikan bagi mengekang penularan virus.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji tentang peranan wanita Patani yang masuk ke Malaysia dalam meningkatkan ekonomi keluarga mereka. Malahan, kajian ini memperincikan lagi tentang retorik pemujukan yang digunakan dalam urusan jual beli yang dijalankan. Selain itu, kajian ini meneliti kepentingan penggunaan bahasa asing (Bahasa Melayu dan Bahasa Thailand) dalam urusan perniagaan yang dijalankan di sempadan. Malah, kajian yang dijalankan ini memberikan penekanan kepada perjalanan perniagaan selepas pandemik Covid-19 yang menuju ke fasa endemik kini dengan pembukaan semula sempadan negara dan kebenaran rentas negeri di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi meneliti aspek bahasa yang wujud dalam perniagaan di sempadan Padang Besar Malaysia-Thailand dan aspek bahasa yang melibatkan dialek Melayu Patani dalam pemujukan perniagaan mereka.

## **SOROTAN KAJIAN**

Setiap kajian baharu yang dijalankan memerlukan asas daripada kajian yang dijalankan sebelum ini. Hal ini kerana, kajian terdahulu memberikan lompong kajian yang boleh dikaji dalam sesuatu bidang kajian. Oleh yang demikian, sorotan kajian lepas tentang penggunaan bahasa Melayu Patani, peranan wanita dalam perniagaan juga ekonomi rentas sempadan dianalisis daripada aspek dapatan kajian lepas untuk membantu kajian yang dijalankan ini. Objektif kajian, metodologi serta hasil dapatan kajian lepas dibincangkan dalam sorotan kajian ini bagi melihat lompong bagi kajian yang dijalankan.

Kartini Wado dan Zamri Mahamod (2019) menjalankan kajian berkaitan gangguan dialek Melayu Patani dalam pengajaran bahasa Melayu di Selatan Thailand. Tumpuan kajian ini melibatkan gangguan dalam penggunaan perkataan yang sama makna berbeza antara dialek Melayu Patani dengan bahasa Melayu baku dalam kalangan guru yang mengajar subjek bahasa Melayu. Hasil kajian memperlihatkan terdapat sebanyak 20 perkataan daripada 384 perkataan yang dikumpulkan daripada 10 orang guru bahasa Melayu. Perkataan tersebut adalah ‘gaduh’, ‘kena’, ‘selalu’ dan 17 perkataan lain lagi. Abdullah Zakaria Ghazali (2016) menjalankan kajian ilmiah tentang naskhah Melayu Patani yang mengupas sejarah serta kedaulatan kerajaan Melayu Selatan Thailand. Penulisan ilmiah ini telah memperincikan tentang naskhah Melayu

Patani melalui 'Hikayat Patani' yang memperjelaskan sejarah juga kedaulatan Patani. Dalam naskhah Sejarah Patani (MS809) yang terdapat dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia pula membawakan kisah tentang sejarah awal Patani tentang kedaulatannya. Maka, kedaulatan Patani dalam naskhah ini telah mencatatkan nama Haji Sulong Abdul Kadir. Kartini Wado et al., (2015) menjalankan kajian tentang pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat perbatasan sebagai kajian berkaitan pengaruh dialek Patani di Selatan Thailand. Fokus kajian ini adalah pengaruh dari segi perubahan penyebutan kata dengan melihat aspek fonetik yang dipengaruhi oleh dialek Patani. Hasil kajian menunjukkan guru yang mengajar subjek bahasa Melayu dipengaruhi oleh dialek Melayu Patani dalam penyebutan kata terutamanya. Nor Hashimah Jalaluddin (2015) menjalankan kajian tentang pengaruh dialek Patani di Perak dalam analisis geolinguistik. Kajian ini dijalankan untuk melihat dialek Patani yang muncul hasil perpindahan orang Patani kerana peperangan untuk meneruskan kehidupan. Seramai 156 responden terlibat daripada 22 buah kampung di negeri Perak. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah Geographical Information System (GIS). Lokasi utama kajian adalah di Hulu Perak selain di Larut Matang Selama dan Kuala Kangsar. Hasil dapatan kajian berdasarkan data "bantak", "air" dan "ular". Oleh itu, data "bantak" menunjukkan varian tertinggi di Larut Matang Selama, iaitu [bantak]. Kemudian, varian [e] digunakan di kawasan Batu Kurau yang mana terdapat empat varian digunakan bagi sebutan "air". Kemudian, varian bagi "ular" sebanyak tiga varian yang digunakan. Oleh yang demikian, hasil pertembungan dialek Melayu Patani dan Perak telah menghasilkan leksikal baharu dalam penggunaan bahasa di negeri Perak. Mohammad Fadzeli Jaafar et al., (2015) menjalankan kajian tentang bahasa sempadan Malaysia-Thailand, pengekal atau peralihan bahasa. Kajian ini mengaplikasikan soal selidik yang dicadangkan oleh Fishman (1972) yang menunjukkan satu variasi bahasa yang sesuai digunakan lebih baik daripada bahasa yang lain. Seramai 202 responden dipilih mewakili penutur di Rantau Panjang dan Golok. Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati bahasa Melayu Patani digunakan di sempadan Thailand, iaitu di Golok. Penggunaan kedua-dua dialek ini bersaing di sempadan Thailand dan Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa pengekal bahasa lebih ketara di sempadan Thailand berbanding peralihan bahasa.

Nor Hanim Awang @ Mohd Noor et al., (2021) menjalankan kajian berkaitan dorongan dalam kelangsungan usahawan wanita dalam perniagaan batik serta songket. Kajian kualitatif ini melibatkan seramai 12 orang usahawan batik dan Songket di Kelantan serta Terengganu. Dapatan memperlihatkan dorongan kepada usahawan batik dan songket wanita dipengaruhi oleh keluarga melalui proses sosialisasi keluarga, kemahiran keluarga, minat dan sumbangan kepada keluarga mereka. Azlizan Talib et al. (2017) menjalankan kajian berkaitan e-perniagaan sebagai sokongan kepada penglibatan kaum wanita dalam keusahawanan di kawasan luar bandar. Analisis utama dalam kajian ini adalah tinjauan tentang persepsi penglibatan wanita dalam e-perniagaan di kawasan luar bandar. Hasil kajian menunjukkan e-perniagaan memberikan kesan yang baik dalam mempengaruhi cara hidup masyarakat dengan menjimatkan masa pengguna. Namun begitu, ia memberikan kesan negatif apabila kurangnya berlaku interaksi sosial dalam komunikasi masyarakat. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 100 orang kaum wanita yang tinggal di luar bandar. Shukeri et al., (2012) menjalankan kajian tentang analisa terhadap pelaksanaan dasar wanita di negeri Kelantan dan kesan kepada kesejahteraan masyarakat. Dasar wanita di Kelantan adalah berdasarkan syaria Islam untuk pembangunan dan kesejahteraan

wanita. Kajian ini meneliti pendekatan yang diambil kerajaan negeri Kelantan dalam menjayakan pembangunan wanita. Kemudian, melihat kesan terhadap wanita dan masyarakat terhadap dasar. Hasil dapatan kajian mendapati kesan terhadap dasar wanita di Kelantan menunjukkan pencapaian yang baik berdasarkan hukum Islam. Malahan, kebajikan dan pembangunan wanita berjalan dengan baik walaupun mendapat tentangan daripada sesetengah pihak. Asyraf Hj. Ab Rahman et al., (2010) menjalankan kajian tentang peranan wanita dalam pembangunan kekeluargaan menurut pandangan Fi Zilal al-Quran. Kajian ini memfokuskan kepada huraian yang diperjelaskan oleh Sayyid Qutb dalam Fi Zilal al-Quran dalam empat tema. Antaranya, kekuatan lelaki dan wanita, keperluan kehidupan berkeluarga, ketaatan asas kesolehan dan pengorbanan wanita dalam kehidupan berkeluarga. Hasil dapatan kajian menunjukkan perspektif yang diterapkan oleh Sayyid Qutb adalah tentang ketaatan dan peranan wanita untuk menyempurnakan kehidupan keluarga. Hal ini dilihat dari aspek pembinaan zuriat yang cemerlang, kehidupan berkeluarga dan ketaatan dalam agama juga rumah tangga. Mohd Nor Hakim Yusoff dan Mohd Rafi Yaacob (2010) menjalankan kajian awal tentang membandingkan aktiviti keusahawanan antara Kota Bharu Kelantan dan Padang (Sumatera). Kajian kertas kerja ini memfokuskan persamaan antara aktiviti keusahawanan yang dijalankan di Padang, Sumatera dan Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan. Hasil dapatan kajian mendapati wujudnya persamaan dalam aktiviti keusahawanan yang didominasi oleh golongan wanita.

Yingying Liang et al., (2021) menjalankan kajian tentang kesan terhadap fasiliti rentas sempadan dalam e-dagang transaksi dengan menjalankan analisis terhadap logistik di laut serta darat antara negara China serta negara lain. Hasil kajian menunjukkan infrastruktur pengangkutan air dan darat mempunyai kesan paling tinggi dengan kebenaran oleh kastam dan pengurusan kerajaan paling mudah. Kajian ini juga menjelaskan bahawa perbezaan dalam penggunaan logistik rentas sempadan mempunyai langkah yang berbeza dengan penggunaan aplikasi e-dagang dan mengurangkan kos perdagangan antara negara China dan negara lain. Julie Tay Gek Hsia (2019) menjalankan kajian ilmiah tentang sejarah perdagangan serta kekeluargaan yang menjadi penerus kepada aktiviti penyeludupan barangan dalam komuniti sempadan Kalimantan Barat dan Sarawak di sempadan Lubuk Antu-Badau. Kajian ini bertujuan membincangkan penyeludupan barangan kawasan sempadan dengan melihat pandangan komuniti setempat. Seramai 15 orang responden telah ditemu bual secara mendalam dan menjalankan pemerhatian terhadap responden. Hasil dapatan menunjukkan sejarah perdagangan kekeluargaan antara dua kawasan mempunyai kaitan dengan aktiviti penyeludupan barangan di sempadan. Ia bermula daripada sejarah perdagangan dan hubungan kekeluargaan yang telah lama dijalin oleh kedua-dua masyarakat sempadan Kalimantan (Indonesia) dan Sarawak (Malaysia) di Lubuk Antu-Badau. Abd. Hair Awang et al., (2013) menjalankan kajian tentang perdagangan secara tidak formal merentas sempadan Malaysia-Indonesia di Serikin (Sarawak) dalam Daerah Bau. Kajian ini memfokuskan penglibatan dan pemilihan lokasi strategik pedagang asing dari Kalimantan Barat serta kesannya terhadap komuniti setempat di Sarawak. Dapatan menunjukkan terdapat pengaruh dalam aspek sosio budaya dengan peningkatan peniaga dari Indonesia. Oleh itu, wujudnya hubungan kekeluargaan yang menggalakkan perniagaan antara Kalimantan (Indonesia) dan Serikin (Sarawak). Perniagaan informal rentas sempadan ini dapat menstabilkan harga pasaran dengan penawaran serta peluang pekerjaan yang wujud. Namun begitu, ia memberikan kesan negatif

apabila terdapat peniaga yang mengelak cukai dan tercetusnya penyakit berjangkit dari negara jiran. Jauhari Effendi et al., (2013) menjalankan kajian tentang analisis potensi dalam strategi pembangunan ekonomi rentas sempadan. Fokus utama kajian ini adalah menganalisis potensi perniagaan di sempadan Belu, Nusa Tenggara (NTT) dan Timor-Leste dengan melihat faktor kawasan strategik, kebangsaan dan pembangunan ekonomi serantau. Dapatan kajian memperlihatkan perniagaan rentas sempadan antara Belu (Indonesia) dan Batu Gede (Timor-Leste) berpotensi maju dari aspek pertanian, perdagangan, perkhidmatan dan kawasan pelancongan. Syed Ibrahim et al., (2013) menjalankan kajian tentang perniagaan rentas sempadan dengan melihat faktor yang mendorong serta menolak penglibatan wanita di Padang Besar Perlis. Fokus kajian adalah faktor yang mendorong dan menolak peniaga wanita dalam menjalankan perniagaan barangan industri kecil di Padang Besar (Perlis). Data diambil melalui kaedah pensampelan sebanyak 78 responden daripada 200 jumlah peniaga telah dianalisis. Hasil dapatan telah memperlihatkan kebanyakan peniaga di Padang Besar (Perlis) adalah wanita daripada Thailand. Mereka berasal dari daerah Patani, Yala dan Narathiwat (Thailand). Antara faktor yang mendorong mereka berniaga di Padang Besar, Perlis (Malaysia) adalah fasiliti perniagaan yang disediakan dengan baik dan boleh mendapat keuntungan yang tinggi. Oleh yang demikian, kajian lepas yang dijalankan tentang dialek Melayu Patani, pembangunan wanita dan keusahawanan serta perniagaan rentas sempadan signifikan dengan kajian yang dijalankan ini. Maka, kajian yang dijalankan ini bertujuan mengisi lompong kajian lepas berkaitan aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh wanita Melayu Patani di Padang Besar, Perlis. Malahan, kajian yang dijalankan ini bertujuan melihat sejauh mana peranan wanita dalam mengekalkan dialek bahasa mereka agar tidak pupus dan kepentingan dalam ekonomi keluarga. Malah, kajian ini memberikan fokus kepada aktiviti perniagaan rentas sempadan antara Padang Besar, Malaysia dan Thailand selepas pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Dalam era endemik kini pelbagai usaha giat dilakukan semula oleh peniaga di sempadan Malaysia-Thailand bagi meningkatkan semula pendapatan isi rumah mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini melibatkan penyelidikan lapangan dengan menjalankan pemerhatian dan temu bual. Ia dijalankan kepada lima orang responden di lima buah gerai terpilih di Padang Waremart yang terletak di Padang Besar, Perlis (Malaysia). Responden merupakan orang Melayu Patani yang menjalankan perniagaan di gerai yang disewa di dalam dan luar bangunan Padang Waremart. Batasan kajian dihadkan kepada responden wanita sahaja kerana bertujuan mencapai objektif bagi kajian ini. Sumber rujukan dalam kajian ini adalah berbentuk penulisan ilmiah yang melibatkan jurnal akademik, kertas seminar, akhbar dan makalah ilmiah. Selain itu, kajian ini berbentuk kualitatif yang meneliti hasil data daripada lima orang responden kajian.

Objektif kajian pertama adalah memperincikan penggunaan bahasa dialek Melayu Patani dalam urusan perniagaan. Dapatan dirakam dan ditranskripsikan ke dalam bentuk bertulis untuk tujuan analisis data melalui retorik pemujukan yang digunakan. Soalan temu bual juga dibahagikan kepada tiga soalan tentang sebab penggunaan dialek Melayu Patani, penggunaan bahasa Thailand dalam kalangan orang Melayu Patani dan penggunaan dialek utara yang digunakan di negeri Perlis. Ia bagi mendapatkan data untuk objektif kajian kedua.

Bagi mendapatkan data dalam objektif kajian ketiga adalah soalan temu bual yang mengandungi 10 soalan tentang aspek ekonomi. Antaranya adalah perniagaan semasa pandemik Covid-19, kesan larangan merentas negara dan negeri terhadap perniagaan, perbandingan pendapatan sebelum pandemik, pendapatan semasa pandemik Covid-19, pendapatan perniagaan semasa endemik (kini), tujuan menjalankan perniagaan di sempadan, kesan kepada pertukaran nilai mata wang Malaysia –Thailand, barangan jualan/modal daripada negara pengeluar, inisiatif meningkatkan pendapatan perniagaan dan masalah sepanjang menjalankan perniagaan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil dapatan kajian ini berdasarkan kepada tiga objektif kajian yang digariskan untuk menjawab persoalan kajian. Kajian ini telah dijalankan melalui pemerhatian, catatan penyelidik dan hasil temu bual dengan beberapa orang responden bagi mewakili komuniti besar. Hal ini kerana, perniagaan yang dijalankan adalah sama dan hampir sama oleh sasaran responden. Data kajian bagi mendapatkan maklum balas tentang aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh wanita Melayu Patani adalah di Padang Waremart Padang Besar, Perlis (Malaysia). Malahan, penyelidik mencatat aktiviti jualan di sekitar kawasan bangunan Arked Niaga, Padang Besar, Perlis. Selain itu, enam orang peniaga wanita Melayu Patani ditemu bual untuk mendapatkan data tambahan setelah penyelidik mencatat aktiviti perniagaan di sekitar Arked Niaga. Kajian ini dijalankan pada 22 Mei 2022. Responden merupakan wanita keturunan Patani, Thailand yang menjalankan perniagaan melebihi lima tahun di Padang Besar, Malaysia. Selain itu, responden merupakan wanita Patani yang berkahwin dengan lelaki Patani. Mereka menggunakan bahasa Melayu Patani dalam komunikasi harian di rumah dan urusan perniagaan. Malahan, responden adalah wanita dalam lingkungan usia antara 40-an hingga 60-an yang boleh berinteraksi dengan baik dengan penyelidik.

### **Objektif kajian 1:**

Memperincikan penggunaan bahasa dan dialek yang digunakan semasa urusan perniagaan di sempadan.

Kewujudan perniagaan yang dijalankan di sempadan Malaysia-Thailand menyaksikan pertembungan bahasa dan dialek. Walau bagaimanapun, wanita Melayu Patani di Padang Besar (Perlis) tidak terpengaruh dengan dialek utara yang digunakan oleh penduduk asal negeri Perlis, iaitu dikenali sebagai dialek utara. Jika dilihat daripada aspek geolinguistik, dialek utara digunakan secara meluas di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak (sempadan negeri utara semenanjung Malaysia). Maka, dialek utara mempunyai penutur yang ramai hingga ke penghujung negeri Perlis di sempadan Thailand. Kemasukan wanita Melayu Patani ke sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar, Perlis adalah bagi tujuan perniagaan. Namun begitu, melalui pemerhatian yang dijalankan mereka menggunakan dialek Melayu Patani semasa menjalankan aktiviti jual beli di Padang Waremart. Dapatan diperoleh daripada lima orang responden ketika mereka sedang menggunakan retorik pemujukan untuk mendapatkan pelanggan yang lalu di gerai jualan mereka.

Jadual 1: Retorik Pemujukan Wanita Melayu Patani semasa Berniaga.

| Bil. | Retorik Pemujukan Responden                                       | Dialek        |
|------|---|---------------|
| 1.   | Responden 1: Mari masuk, tengok bare murah...murah                | Melayu Patani |
| 2.   | Responden 2: Bare baru ni...sedak. Boleh raso.                    | Melayu Patani |
| 3.   | Responden 3: Beras wongi ni hok baru nih...                       | Melayu Patani |
| 4.   | Responden 4: Mari lo tengok...pat bare bagi sepuluh yal jah.      | Melayu Patani |
| 5.   | Responden 5: Mari masuk tengok dulu...nok banyok kita kiro muruh. | Melayu Patani |

Hal ini merupakan antara kelebihan dalam penggunaan bahasa oleh wanita Melayu Patani adalah mampu memelihara dialek Melayu Patani walaupun menjalankan jualan dengan penduduk dari negeri lain di Malaysia. Mereka dilihat begitu selesa menggunakan dialek Melayu Patani semasa memanggil pelanggan yang lalu di hadapan gerai mereka bertujuan menarik perhatian dengan pemujukan. Hasil pemerhatian juga memperlihatkan lima orang responden kajian menggunakan dialek Melayu Patani semasa menjalankan perniagaan mereka. Walaupun mereka memahami bahasa Melayu yang digunakan oleh pembeli dari seluruh Malaysia tetapi mereka masih selesa menggunakan dialek Melayu Patani semasa aktiviti jualan berlangsung. Mereka merupakan generasi yang masih mempertahankan bahasa Melayu Patani agar tidak pupus dan hilang. Selain itu, wanita Melayu Patani juga mampu menggunakan bahasa Thailand dengan baik. Kemahiran berbahasa Thailand memudahkan segala urusan jual beli barang modal di negara Thailand. Oleh yang demikian, tidak dapat disangkal lagi bahawa Thailand merupakan negara yang mempunyai jati diri yang tinggi dalam pengekalan dan penggunaan bahasa ibunda mereka.

### Objektif kajian 2:

Mengenal pasti penggunaan dialek dan bahasa wanita Melayu Patani dalam urusan perniagaan.

Bagi mendapatkan data daripada objektif kajian ini, terdapat tiga soalan utama melalui temu bual diberikan kepada lima orang responden kajian. Setiap responden memberikan jawapan berdasarkan pendapat dan pengalaman masing-masing dalam penggunaan dialek serta bahasa Thailand untuk menjalankan perniagaan mereka. Lima orang responden menggunakan bahasa komunikasi yang sama, berurusan dengan orang yang sama serta pembekal yang sama dalam menjalankan perniagaan mereka. Malahan, lima orang responden yang dipilih ini boleh menggunakan bahasa Melayu Patani dan bahasa Thailand dalam komunikasi lisan mereka. Dalam aspek ini, penyelidik memfokuskan kepada bahasa atau dialek yang digunakan semasa berurusan untuk menjalankan perniagaan.

Jadual 2: Temu Bual Wanita Melayu Patani tentang Penggunaan Dialek dan Bahasa.

| Responden   | Soalan Temu Bual   | Jawapan Responden   | Transkripsi Ujaran Responden   |
|-------------|--|---|--|
| Responden 1 | i. Penggunaan dialek Melayu Patani?<br>ii. Penggunaan bahasa Thailand?<br>iii. Penggunaan dialek utara (Perlis)? | i. Menggunakan dialek Melayu Patani untuk komunikasi harian.<br>ii. Menggunakan bahasa Thailand untuk berkomunikasi bagi membeli barang modal | i. Hari-hari kecek Thani la.<br>ii. Pi lek Sie nu, kecek Sie.<br>iii. Ore kecek bahaso sini kito pehe, tapi kecek Thani. |



|             |   |  |  |
|-------------|---|--|--|
|             |   | <p>iii. di negara Thailand. Digunakan juga berkomunikasi bersama ahli keluarga. Faham tetapi tidak berkomunikasi menggunakan dialek utara (Perlis).</p>  |  |
| Responden 2 | <p>i. Penggunaan dialek Melayu Patani?<br/>ii. Penggunaan bahasa Thailand?<br/>iii. Penggunaan dialek utara (Perlis)?</p> | <p>i. Menggunakan dialek Melayu Patani untuk komunikasi harian.<br/>ii. Menggunakan bahasa Thailand untuk berkomunikasi bagi membeli barang modal di negara Thailand. Digunakan juga berkomunikasi bersama ahli keluarga.<br/>iii. Faham tetapi tidak berkomunikasi menggunakan dialek utara (Perlis).</p> | <p>i. Kito, kecek Thani.<br/>ii. Nok beli bare lek nu, kecek Sie.<br/>iii. Logu ni, kecek Thani, ore sini pehe kito kecek.</p> |
| Responden 3 | <p>i. Penggunaan dialek Melayu Patani?<br/>ii. Penggunaan bahasa Thailand?<br/>iii. Penggunaan dialek utara (Perlis)?</p> | <p>i. Menggunakan dialek Melayu Patani untuk komunikasi harian.<br/>ii. Menggunakan bahasa Thailand untuk berkomunikasi bagi membeli barang modal di negara Thailand. Digunakan juga berkomunikasi bersama ahli keluarga.<br/>iii. Faham tetapi tidak berkomunikasi menggunakan dialek utara (Perlis).</p> | <p>i. Kecek Thani.<br/>ii. Pi lek nu, kecek Sie.<br/>iii. Kito pehe ore kecek nok gapo.</p>                                    |
| Responden 4 | <p>i. Penggunaan dialek Melayu Patani?<br/>ii. Penggunaan bahasa Thailand?<br/>iii. Penggunaan dialek utara (Perlis)?</p> | <p>i. Menggunakan dialek Melayu Patani untuk komunikasi harian.<br/>ii. Menggunakan bahasa Thailand untuk berkomunikasi bagi membeli barang modal di negara Thailand. Digunakan juga berkomunikasi bersama ahli keluarga.<br/>iii. Faham tetapi tidak berkomunikasi menggunakan dialek utara (Perlis).</p> | <p>i. Hari-hari lo dok kecek Thani.<br/>ii. Nok beli bare belah nu, kena kecek Sie.<br/>iii. Pehe, lama doh duk sini.</p>      |
| Responden 5 | <p>i. Penggunaan dialek Melayu Patani?<br/>ii. Penggunaan bahasa Thailand?<br/>iii. Penggunaan dialek utara (Perlis)?</p> | <p>i. Menggunakan dialek Melayu Patani untuk komunikasi harian.<br/>ii. Menggunakan bahasa Thailand untuk berkomunikasi bagi membeli barang modal</p>  | <p>i. Di rumoh ka jupo sain ka kecek Thani.<br/>ii. Kecek Sie sapa lek nu.</p>   |

|  |  |   |  |
|--|--|---|--|
|  |  | di negara Thailand.<br>Digunakan juga<br>berkomunikasi bersama<br>ahli keluarga.<br>iii. Faham tetapi tidak<br>berkomunikasi<br>menggunakan dialek<br>utara (Perlis). | iii. Kito pehe, dia<br>pehe, tapi kito<br>kecek Thani. |
|--|--|---|--|

Dapatan kajian untuk objektif kajian kedua yang menggunakan komunikasi dalam dialek Melayu Patani telah diterjemahkan ke dalam bentuk bahasa Melayu baku oleh penyelidik. Hasil memperlihatkan bahawa lima responden kajian mempunyai jawapan yang sama dalam penggunaan dialek Melayu Patani. Mereka menggunakan dialek Melayu Patani dalam komunikasi harian bersama ahli keluarga, kawan dan termasuk juga semasa menjalankan urusan jual beli di sempadan. Oleh yang demikian, keberadaan wanita Melayu Patani lebih mudah dikenali di dalam gerai jualan dengan penggunaan dialek Melayu Patani yang menjadi identiti mereka. Kemudian, soalan kedua adalah tentang penggunaan bahasa Thailand dalam kehidupan serta urusan harian wanita Melayu Patani. Mereka memahami dari segi bacaan, tulisan dan komunikasi verbal tentang bahasa juga aksara yang menjadi tulisan Thailand. Hal ini kerana, tulisan Thai berbentuk simbol yang tidak difahami oleh semua orang. Masyarakat Thai tidak semua dapat menulis dan membaca tulisan Thai yang menggunakan simbol tetapi mereka dapat berkomunikasi secara verbal kerana telah terbiasa menggunakan bahasa untuk berinteraksi pada setiap hari. Namun begitu, menurut responden penggunaan bahasa Thai begitu penting untuk membeli barang modal bagi perniagaan mereka di sempadan. Penggunaan bahasa Thai dalam komunikasi verbal menjadi alat pengantara utama bagi membeli barang modal untuk harga yang lebih murah. Seterusnya, soalan ketiga adalah penggunaan dialek utara di negeri Perlis. Dialek utara digunakan dengan meluas kerana kedudukan lokasi perniagaan di negeri tersebut. Wanita Melayu Patani memahami dengan jelas maksud yang disampaikan menggunakan dialek utara tetapi mereka masih menggunakan dialek Melayu Patani untuk berkomunikasi. Jelas sekali, bahawa wanita Melayu Patani memelihara dengan baik penggunaan dialek Melayu Patani walaupun merentas sempadan untuk menjalankan perniagaan di sempadan Malaysia – Thailand.

Selain itu, melalui dapatan ujaran yang telah ditranskripsikan ke dalam bentuk teks menunjukkan responden menggunakan dialek Patani dalam komunikasi. Penyelidik memberikan tiga soalan yang sama kepada lima orang responden. Jawapan dalam ujaran dialek Patani yang digunakan adalah ayat berbeza tetapi menyampaikan maksud yang sama. Hal ini kerana, lima orang responden ini adalah berketurunan Patani, membuka gerai di kawasan yang sama. Malah, mereka menggunakan cara yang sama bagi mendapatkan barang modal dengan penggunaan bahasa Thai. Oleh yang demikian, harga yang diperoleh adalah sama dan jualan di tempat yang sama memerlukan penjualan harga barangan yang sama harga supaya tidak memberikan kesan kepada pasaran. Faktor geografi yang menunjukkan kedudukan kawasan sempadan memerlukan responden mahir menggunakan bahasa Patani dalam perniagaan yang difahami oleh orang Malaysia. Manakala, kemahiran penggunaan bahasa Thai diperlukan bagi mendapatkan harga modal yang lebih murah kerana pembekal di Thailand hanya menggunakan bahasa Thai dalam komunikasi perniagaan mereka.

Dapatan kajian untuk objektif kajian kedua yang menggunakan komunikasi dalam dialek Melayu Patani telah diterjemahkan ke dalam bentuk bahasa Melayu baku oleh penyelidik. Hasil memperlihatkan bahawa lima responden kajian mempunyai jawapan yang sama dalam penggunaan dialek Melayu Patani. Mereka menggunakan dialek Melayu Patani dalam komunikasi harian bersama ahli keluarga, kawan dan termasuk juga semasa menjalankan urusan jual beli di sempadan. Oleh yang demikian, keberadaan wanita Melayu Patani lebih mudah dikenali di dalam gerai jualan dengan penggunaan dialek Melayu Patani yang menjadi identiti mereka. Kemudian, soalan kedua adalah tentang penggunaan bahasa Thailand dalam kehidupan serta urusan harian wanita Melayu Patani. Mereka memahami dari segi bacaan, tulisan dan komunikasi verbal tentang bahasa juga aksara yang menjadi tulisan Thailand. Hal ini kerana, tulisan Thai berbentuk simbol yang tidak difahami oleh semua orang. Masyarakat Thai tidak semua dapat menulis dan membaca tulisan Thai yang menggunakan simbol tetapi mereka dapat berkomunikasi secara verbal kerana telah terbiasa menggunakan bahasa untuk berinteraksi pada setiap hari. Namun begitu, menurut responden penggunaan bahasa Thai begitu penting untuk membeli barang modal bagi perniagaan mereka di sempadan. Penggunaan bahasa Thai dalam komunikasi verbal menjadi alat pengantara utama bagi membeli barang modal untuk harga yang lebih murah. Seterusnya, soalan ketiga adalah penggunaan dialek utara di negeri Perlis. Dialek utara digunakan dengan meluas kerana kedudukan lokasi perniagaan di negeri tersebut. Wanita Melayu Patani memahami dengan jelas maksud yang disampaikan menggunakan dialek utara tetapi mereka masih menggunakan dialek Melayu Patani untuk berkomunikasi. Jelas sekali, bahawa wanita Melayu Patani memelihara dengan baik penggunaan dialek Melayu Patani walaupun merentas sempadan untuk menjalankan perniagaan di sempadan Malaysia – Thailand.

Selain itu, melalui dapatan ujaran yang telah ditranskripsikan ke dalam bentuk teks menunjukkan responden menggunakan dialek Patani dalam komunikasi. Penyelidik memberikan tiga soalan yang sama kepada lima orang responden. Jawapan dalam ujaran dialek Patani yang digunakan adalah ayat berbeza tetapi menyampaikan maksud yang sama. Hal ini kerana, lima orang responden ini adalah berketurunan Patani, membuka gerai di kawasan yang sama. Malah, mereka menggunakan cara yang sama bagi mendapatkan barang modal dengan penggunaan bahasa Thai. Oleh yang demikian, harga yang diperoleh adalah sama dan jualan di tempat yang sama memerlukan penjualan harga barangan yang sama harga supaya tidak memberikan kesan kepada pasaran. Faktor geografi yang menunjukkan kedudukan kawasan sempadan memerlukan responden mahir menggunakan bahasa Patani dalam perniagaan yang difahami oleh orang Malaysia. Manakala, kemahiran penggunaan bahasa Thai diperlukan bagi mendapatkan harga modal yang lebih murah kerana pembekal di Thailand hanya menggunakan bahasa Thai dalam komunikasi perniagaan mereka.

### **Objektif kajian 3:**

Meneliti cabaran perniagaan rentas sempadan wanita Melayu Patani.

Cabaran dalam perniagaan berlaku dengan drastik semasa dunia dilanda wabak Covid-19 yang meragut nyawa manusia. Maka, pintu sempadan daerah, negeri dan negara telah ditutup dengan ketat oleh setiap negara di dunia. Inisiatif ini bagi mengekang menularnya jangkitan virus. Oleh

itu, fenomena ini telah memberikan kesan kepada peniaga yang menjalankan urusan secara bersemuka termasuklah perniagaan rentas sempadan yang dijalankan oleh wanita Melayu Patani. Maka, sepuluh soalan tentang aspek perniagaan disoal kepada lima responden bagi menjawab objektif kajian ketiga. Semua peniaga di Padang Besar, Perlis mengalami masalah yang sama apabila semua gerai perlu ditutup semasa berlakunya pandemik Covid-19. Malahan, barang modal daripada negara Thailand juga mengalami masalah untuk masuk kerana sekatan di sempadan dilaksanakan sepanjang pandemik.

Jadual 3: Temu Bual Wanita Melayu Patani tentang Cabaran Perniagaan Rentas Sempadan.

| Responden   | Soalan Temu Bual   | Jawapan Responden  | Transkripsi Ujaran Responden  |
|-------------|--|--|---|
| Responden 1 | i. Perniagaan semasa pandemik Covid-19.<br>ii. Kesan larangan rentas negara dan negeri terhadap perniagaan.<br>iii. Perbandingan pendapatan sebelum pandemik Covid-19.<br>iv. Pendapatan semasa pandemik Covid-19.<br>v. Pendapatan semasa endemik (kini).<br>vi. Tujuan menjalankan perniagaan di sempadan.<br>vii. Kesan pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia – Bath Thai.<br>viii. Barangan jualan/modal daripada negara pengeluar.<br>ix. Inisiatif meningkatkan pendapatan perniagaan.<br>x. Masalah sepanjang menjalankan perniagaan. | i. Terjejas.<br>ii. Menghalang aktiviti perniagaan di sempadan.<br>iii. Pendapatan terjejas semasa pandemik Covid-19.<br>iv. Pendapatan terjejas dengan teruk.<br>v. Lebih baik daripada semasa pandemik Covid-19 tetapi tidak sama sebelum berlakunya pandemik.<br>vi. Mendapatkan lebih keuntungan.<br>vii. Mata wang Ringgit Malaysia agak rendah dan berlaku kerugian semasa tukaran dengan Bath Thai.<br>viii. Kos meningkat dan semakin meningkat selepas pandemik Covid-19 kerana kesukaran masuk barang modal.<br>ix. Membuka kedai lebih lama daripada sebelum berlakunya pandemik.<br>x. Membawa masuk beras pulut dan beras wangi dan kos pembelian kekacang (gajus, badam dan pistachio) yang agak tinggi. | i. Teruk.<br>ii. Tok leh nok nego.<br>iii. Tok nego, tat dok pitih.<br>iv. Teruk la.<br>v. Loni boleh siket doh.<br>vi. Untong lebeh lo.<br>vii. Duit Malay muroh.<br>viii. Lepas cobid maha belako.<br>ix. Lani bukok keda lamo siket.<br>x. Beras wongi denge pulut payoh masok, gajus,bade, kace ceredik modal maha. |
| Responden 2 | i. Perniagaan semasa   | i. Terjejas.   | i. Nego terok laaa.<br>ii. Tok leh nego lo doh tutop belako.  |

|             |   |   |  |
|-------------|---|---|--|
|             | <p>ii. pandemik Covid-19. Kesan larangan rentas negara dan negeri terhadap perniagaan.</p> <p>iii. Perbandingan pendapatan sebelum pandemik Covid-19.</p> <p>iv. Pendapatan semasa pandemik Covid-19.</p> <p>v. Pendapatan semasa endemik (kini).</p> <p>vi. Tujuan menjalankan perniagaan di sempadan.</p> <p>vii. Kesan pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia – Bath Thai.</p> <p>viii. Barangan jualan/modal daripada negara pengeluar.</p> <p>ix. Inisiatif meningkatkan pendapatan perniagaan.</p> <p>x. Masalah sepanjang menjalankan perniagaan.</p> | <p>ii. Menghalang aktiviti perniagaan di sempadan.</p> <p>iii. Pendapatan terjejas semasa pandemik Covid-19.</p> <p>iv. Pendapatan terjejas dengan teruk.</p> <p>v. Lebih baik daripada semasa pandemik Covid-19 tetapi tidak sama sebelum berlakunya pandemik.</p> <p>vi. Mendapatkan lebih keuntungan.</p> <p>vii. Mata wang Ringgit Malaysia agak rendah dan berlaku kerugian semasa tukaran dengan Bath Thai.</p> <p>viii. Kos meningkat dan semakin meningkat selepas pandemik Covid-19 kerana kesukaran masuk barang modal.</p> <p>ix. Membuka kedai lebih lama daripada sebelum berlakunya pandemik.</p> <p>x. Membawa masuk beras pulut dan beras wangi dan kos pembelian kekacang (gajus, badam dan pistachio) yang agak tinggi.</p> | <p>iii. Nego tok leh, tat dok mano wet.</p> <p>iv. Meme terok maso cobid.</p> <p>v. Lani boleh lo, nok kato lagu dulu tok samo doh.</p> <p>vi. Boleh lebih siket.</p> <p>vii. Duit Sie maha.</p> <p>viii. Lani maha belako. Bare pon payoh.</p> <p>ix. Bukok keda lamo siket.</p> <p>x. Mace beras wangi payoh, maha modal, supa beras pulut. Kalau kace bade, gaju pun maha, supa kace ceredik.</p> |
| Responden 3 | <p>i. Perniagaan semasa pandemik Covid-19.</p> <p>ii. Kesan larangan rentas negara dan negeri terhadap perniagaan.</p> <p>iii. Perbandingan pendapatan sebelum pandemik Covid-19.</p> <p>iv. Pendapatan semasa pandemik Covid-19.</p>   | <p>i. Terjejas.</p> <p>ii. Menghalang aktiviti perniagaan di sempadan.</p> <p>iii. Pendapatan terjejas semasa pandemik Covid-19.</p> <p>iv. Pendapatan terjejas dengan teruk.</p> <p>v. Lebih baik daripada semasa pandemik Covid-19 tetapi tidak sama sebelum berlakunya pandemik.</p> <p>vi. Mendapatkan lebih keuntungan.</p> <p>vii. Mata wang Ringgit Malaysia agak</p>  | <p>i. Nego tok leh, susoh.</p> <p>ii. Dah lek Sie tok leh masuk bare nak nego payoh.</p> <p>iii. Maso cobid susoh tok leh nego.</p> <p>iv. Tutop keda maso cobid, tat dak wet la.</p> <p>v. Lani doh boleh nega tu boleh la.</p> <p>vi. Untong lebih siket jah.</p> <p>vii. Duit sini jatuh. Tuka sano terok.</p>  |

|             |  |   |   |
|-------------|--|---|---|
|             | <p>v. Pendapatan semasa endemik (kini).</p> <p>vi. Tujuan menjalankan perniagaan di sempadan.</p> <p>vii. Kesan pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia – Bath Thai.</p> <p>viii. Barangan jualan/modal daripada negara pengeluar.</p> <p>ix. Inisiatif meningkatkan pendapatan perniagaan.</p> <p>x. Masalah sepanjang menjalankan perniagaan.</p>  | <p>rendah dan berlaku kerugian semasa tukaran dengan Bath Thai.</p> <p>viii. Kos meningkat dan semakin meningkat selepas pandemik Covid-19 kerana kesukaran masuk barang modal.</p> <p>ix. Membuka kedai lebih lama daripada sebelum berlakunya pandemik.</p> <p>x. Membawa masuk beras pulut dan beras wangi dan kos pembelian kekacang (gajus, badam dan pistachio) yang agak tinggi.</p>   | <p>viii. Maha belako lepas-lepas cobid.</p> <p>ix. Bukak hari-hari loni, dulu tiga hari jah nego.</p> <p>x. Beras pulut dege beras wongi payoh masuk, upoh maha. Supa la kace-kace ni pung (menunjukkan kepada gajus, pistachio dan badam secara verbal).</p>   |
| Responden 4 | <p>i. Perniagaan semasa pandemik Covid-19.</p> <p>ii. Kesan larangan rentas negara dan negeri terhadap perniagaan.</p> <p>iii. Perbandingan pendapatan sebelum pandemik Covid-19.</p> <p>iv. Pendapatan semasa pandemik Covid-19.</p> <p>v. Pendapatan semasa endemik (kini).</p> <p>vi. Tujuan menjalankan perniagaan di sempadan.</p> <p>vii. Kesan pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia – Bath Thai.</p> <p>viii. Barangan jualan/modal daripada negara pengeluar.</p> | <p>i. Terjejas.</p> <p>ii. Menghalang aktiviti perniagaan di sempadan.</p> <p>iii. Pendapatan terjejas semasa pandemik Covid-19.</p> <p>iv. Pendapatan terjejas dengan teruk.</p> <p>v. Lebih baik daripada semasa pandemik Covid-19 tetapi tidak sama sebelum berlakunya pandemik.</p> <p>vi. Mendapatkan lebih keuntungan.</p> <p>vii. Mata wang Ringgit Malaysia agak rendah dan berlaku kerugian semasa tukaran dengan Bath Thai.</p> <p>viii. Kos meningkat dan semakin meningkat selepas pandemik Covid-19 kerana kesukaran masuk barang modal.</p> <p>ix. Membuka kedai lebih lama daripada sebelum berlakunya pandemik.</p> <p>x. Membawa masuk beras pulut dan</p> | <p>i. Nak oyat guano, terok la.</p> <p>ii. Payoh nak uruse.</p> <p>iii. Wet tat dok la, terok.</p> <p>iv. Meme terok tat dok masok pitih.</p> <p>v. Nat kato banyok tu dok tapi boleh lo.</p> <p>vi. Boleh lebih siket.</p> <p>vii. Duit Malay terok.</p> <p>viii. Doh bare naik hago belako.</p> <p>ix. Bukok hari-hari goni la loni.</p> <p>x. Beras ni moda pung mahal doh (memegang berus pulut dan beras wangi secara verbal). Kace bade maha ni. Gajus dege pistachio supo.</p> |

|             |  |  |   |  |
|-------------|--|--|---|--|
|             | ix. Inisiatif meningkatkan pendapatan perniagaan.<br>x. Masalah sepanjang menjalankan perniagaan.  |  | beras wangi dan kos pembelian kekacang (gajus, badam dan pistachio) yang agak tinggi.   |  |
| Responden 5 | i. Perniagaan semasa pandemik Covid-19.<br>ii. Kesan larangan rentas negara dan negeri terhadap perniagaan.<br>iii. Perbandingan pendapatan sebelum pandemik Covid-19.<br>iv. Pendapatan semasa pandemik Covid-19.<br>v. Pendapatan semasa endemik (kini).<br>vi. Tujuan menjalankan perniagaan di sempadan.<br>vii. Kesan pertukaran nilai mata wang Ringgit Malaysia – Bath Thai.<br>viii. Barangan jualan/modal daripada negara pengeluar.<br>ix. Inisiatif meningkatkan pendapatan perniagaan.<br>x. Masalah sepanjang menjalankan perniagaan. | i. Terjejas.<br>ii. Menghalang aktiviti perniagaan di sempadan.<br>iii. Pendapatan terjejas semasa pandemik Covid-19.<br>iv. Pendapatan terjejas dengan teruk.<br>v. Lebih baik daripada semasa pandemik Covid-19 tetapi tidak sama sebelum berlakunya pandemik.<br>vi. Mendapatkan lebih keuntungan.<br>vii. Mata wang Ringgit Malaysia agak rendah dan berlaku kerugian semasa tukaran dengan Bath Thai.<br>viii. Kos meningkat dan semakin meningkat selepas pandemik Covid-19 kerana kesukaran masuk barang modal.<br>ix. Membuka kedai lebih lama daripada sebelum berlakunya pandemik.<br>x. Membawa masuk beras pulut dan beras wangi dan kos pembelian kekacang (gajus, badam dan pistachio) yang agak tinggi. | i. Tokleh gapo.<br>ii. Nok masok bare pong payoh.<br>iii. Terok la maso cobid nu.<br>iv. Meme terok, tok leh nok oyat.<br>v. Logu ni lo, boleh jugok siket-siket.<br>vi. Ado lebih dari cobid nu.<br>vii. Duit Sie tok naek, duit sini jatuh terok.<br>viii. Moda nego terok la. Kena keluwar banyak.<br>ix. Lani bukok hari-hari. Doh cobid retu tok leh nego.<br>x. Mace beras pulut dege wongi, upah ore bawok masok. Hat kace ceredik moda maha. Gajuh moda maha tok boleh banyak mana untong. Bade supo. |  |

Jadual 3.0 menunjukkan keputusan hasil temu bual lima orang responden yang telah ditransliterasikan ke dalam bahasa Melayu baku. Mereka berkomunikasi secara lisan dengan menggunakan dialek Melayu Patani. Hasil menunjukkan lima responden mengalami masalah yang sama dalam perniagaan yang dijalankan secara rentas sempadan. Bagi soalan pertama menunjukkan perniagaan yang dijalankan semasa pandemik Covid-19 telah menjejaskan pendapatan mereka. Bagi soalan kedua pula merujuk kepada kesan larangan merentas negara

serta negeri yang berlaku telah menghalang mereka meneruskan aktiviti perniagaan rentas sempadan yang dijalankan sebelum ini. Soalan ketiga menunjukkan perbandingan pendapatan semasa pandemik yang terjejas berbanding pendapatan sebelum berlakunya penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia. Kemudian, soalan keempat menunjukkan pendapatan semasa pandemik Covid-19 merosot kesan daripada halangan menjalankan perniagaan secara bersemuka. Soalan kelima menunjukkan pendapatan kini adalah lebih baik berbanding ketika berlakunya pandemik walaupun tidak sebaik sebelum berlakunya penularan virus Covid-19. Bagi soalan keenam menunjukkan tujuan mereka menjalankan perniagaan adalah untuk mencari rezeki bagi menampung keperluan isi rumah dan perniagaan yang dijalankan di sempadan memberikan pulangan keuntungan yang tinggi. Seterusnya, soalan ketujuh adalah kesan kejatuhan Ringgit Malaysia telah memberikan kesan pertambahan kos modal kerana perlu mengeluarkan kos modal yang lebih tinggi pada masa kini. Dalam soalan kelapan pula barangan modal daripada negara pengeluar diambil daripada negara Thailand. Kebanyakannya adalah makanan yang diproses di Thailand dan terdapat juga barang perhiasan wanita, pakaian, barang keperluan dapur dan kelengkapan rumah. Barang daripada Thailand mendapat permintaan yang tinggi di Malaysia dan fenomena ini mendorong wanita Melayu Patani menjalankan perniagaan rentas sempadan di Malaysia. Soalan kesembilan adalah inisiatif yang dilakukan oleh wanita Melayu Patani bagi meningkatkan semula pendapatan mereka adalah dengan membuka hari dan waktu operasi lebih panjang daripada sebelum berlakunya pandemik Covid-19. Kemudian, soalan kesepuluh adalah tentang cabaran yang wanita Melayu Patani perlu mereka hadapi adalah kesukaran membawa masuk barang niaga seperti beras pulut dan beras wangi serta harga modal untuk jualan kekacang yang tinggi berbanding barang modal yang lain.

Selanjutnya, dapatan kajian ini diperoleh melalui soalan yang sama kepada lima orang responden kajian. Penggunaan soalan yang sama bagi melihat jika berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan responden. Hal ini kerana, mereka menjalankan perniagaan barangan yang sama, pembekal yang sama dan mendapat harga sewa tapak gerai yang sama. Walaupun jawapan yang diujarkan lima responden adalah berbeza dalam ayat ujara tetapi mempunyai maksud yang sama. Melalui ujaran setiap responden menunjukkan bahawa mereka mengalami situasi yang sama yang mencabar ketika berlakunya pandemik. Hal ini demikian kerana, halangan dalam perniagaan secara bersemuka menyebabkan pendapatan mereka jatuh kerana terpaksa menutup gerai sebagai langkah keselamatan.

## **KESIMPULAN**

Konklusinya, kemasukan wanita Melayu Patani ke Padang Besar, Perlis (Malaysia) telah memberikan kesan kepada kemeriahan aktiviti jual beli di Waremart Padang Besar. Malah, gerai-gerai dimonopoli oleh wanita Melayu Patani dengan menyewa kepada pemilik di Malaysia yang mendapat tapak perniagaan. Mereka menjalankan perniagaan produk makanan dan kelengkapan rumah serta pakaian kepada masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana, Padang Besar, Perlis merupakan lokasi tumpuan pelancong yang datang ke negeri Perlis kerana pemilihan barangan jualan yang pelbagai serta lebih murah dari tempat lain.



Selain itu, potensi pasaran rentas sempadan di Malaysia membawa keuntungan yang besar kepada wanita Melayu Patani dengan hasil jualan yang memberangsangkan. Hal ini kerana, modal yang digunakan untuk menjalankan perniagaan boleh mendatangkan hasil yang baik daripada keuntungan yang diperoleh kerana pelancong yang ramai. Kunjungan pelancong daripada luar negara dan negeri memberikan peluang yang lebih luas untuk menjalankan perniagaan di Waremart Padang Besar. Wanita Melayu Patani dilihat begitu gigih menjalankan perniagaan demi pendapatan isi rumah yang baik untuk keluarga mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa fungsi wanita Melayu Patani dalam ekonomi memainkan peranan yang penting dalam perniagaan yang melibatkan dua negara.

Dalam aspek bahasa pula wanita Melayu Patani berjaya mengekalkan dialek mereka secara turun-temurun dengan membawa identiti mereka. Pemeliharaan dialek Melayu Patani begitu penting bagi mengelakkan dialek tersebut lenyap kerana tidak mempunyai penutur jati. Keberadaan wanita Melayu Patani mempunyai fungsi yang besar terhadap masyarakat Patani yang masih wujud di Patani, Naratiwat dan Yala (Thailand) yang menjadi golongan minoriti kecil di selatan Thailand. Pengekalan dialek Melayu Patani bukan sahaja berperanan besar dalam menjaga dialek agar tidak lenyap tetapi berfungsi besar dalam menjaga identiti mereka yang beragama Islam. Oleh yang demikian, dialek Melayu Patani bukan hanya sekadar elemen bahasa tetapi juga menunjukkan lambang jati diri serta agama yang dianuti.

## RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. 2016. Naskhah Melayu Patani Mengupas Sejarah dan Kedaulatan Kerajaan Melayu Selatan Thailand. Siri Seminar Naskhah Melayu Siri 1, 2016. 29 April 2016 (Jumaat) 3.00 petang Bilik Sumber, Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya.
- Abd. Hair Awang, Noor Rahamah Hj Abu Bakar, Junaenah Sulehan, Mohd Yusof Hj Abdullah dan Ong Puay Liu. 2013. Perdagangan Informal Rentas Sempadan Malaysia-Indonesia: Kajian kes di Serikin, Daerah Bau, Sarawak. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 9(1), 60-68.
- Asyraf Hj. Ab Rahman. 2010. Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal Al-Quran. *JGD –Journal of Governance and Development*. Vol.6, (14-21).
- Azlizan Talib, Mohd Nazaruddin Yusof, Zainal Md Zan & Kamarudin Ngah. 2017. e-Bisnes, Pemangkin Penyertaan Kaum Wanita dalam Keusahawanan Luar Bandar. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*, 9(1), 54-66.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Er Ah Choy, Amriah Buang, Sivapalan Selvadurai, Nur Farahin Zainuddin, Mohd Kamarulnizam Abdullah & Sri Winarni Samsir .2014. Mengurus pelancongan sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan atau konflik. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 10(8), 65-71.
- Jauhari Effendi, Sri Kurniati A., Sudirman S. dan Agustinus Semiun. 2013. The Analysis of Cross-Border Potensial Economic Development Strategies. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 7(8), 50-59.
- Julie Tay Gek Hsia. 2019. Sejarah Perdagangan dan Kekeluargaan dalam Menjadi Penerus Kepada Penyeludupan Barangan dalam kalangan Komuniti Sempadan di Kalimantan

- Barat dan Sarawak: Kajian Kes Sempadan Lubok Antu-Badau. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6),45 - 55.
- Kartini Wado dan Zamri Mahamod. 2019. Gangguan Dialek Melayu Patani dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Selatan Thailand. Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu Kali Kedua 2019 (SAPBaSBuM 2 2019). 25 Mar 2019 - 26 Mar 2019.
- Kartini Wado, Zulkifley Hamid, Pareeda Hayeeteh dan Suhaila Binsama-ae. 2015. Pengajaran bahasa Melayu baku dalam kalangan komuniti perbatasan: Satu kajian pengaruh dialek Patani di Selatan Thailand. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 11, 36 – 44.
- Nor Hanim Awang @ Mohd Noor, Norfatiha Othman, Nor Hayati Sa'at dan Roslina Ismail. 2021. Dorongan Kelangsungan Usahawan Wanita dalam Perusahaan Batik dan Songket. *Jurnal Pengurusan. Universiti Kebangsaan Malaysia*, 61, 69 – 81.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8 (2), 310-330.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis dan Hayati Lateh. 2015. Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan VS Peralihan Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 5 (1), 1-9.
- Mohd Nor Hakim Yusoff dan Mohd Rafi Yaacob. 2010. Kajian Awal Perbandingan Aktiviti Keusahawanan antara Kota Bharu Kelantan, dan Padang, Sumatera. *Prosiding Perkem V, Jilid 2 (2010)* 129 – 140.
- Shukeri M, Mohd Yakub MY dan Mohamad Arien M.A. 2012. Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan & Kesannya Kepada Kesejahteraan Masyarakat. *Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah*. 1-16.
- Syed Ibrahim, Sharifah Sofiah 'Atiqah and Yusof, Rohana and Syed Hussain dan Tuan Pah Rokiah. 2013. Perniagaan rentas sempadan: Faktor mendorong dan menolak penglibatan usahawan wanita di Pasar Besar, Padang Besar, Perlis Malaysia. In: *International Conference on Asean Women (ICAW2013)*, 10th-12th December 2013, Bandung, Indonesia.
- Yingying Liang, Liangliang Guo, Jianlu Li, Shuang Zhang dan Xiangyun Fei. 2021. The Impact of Trade Facilitation on Cross-Border E-Commerce Transactions: Analysis Based on the Marine and Land Cross-Border Logistical Practices between China and Countries along the “Belt and Road”. *WATER (13)*. MDPI. 2021, 1-16.